

AL-HIKMAH

Jilid	10	ISSN 1985-6822	2018
No.	1		1439

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH3-15
Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33
Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54
Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78
Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94
Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118
Mohd Mustaffa Jusoh @Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN?119-128
Aini Maznina A. Manaf
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147
Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan
- PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH Fiqh ... 148-162
Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175
Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189
Badlihasham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don

Al-Hikmah 10(1) 2018: 79-94

Hubungan Insentif Keimanan dan Amalan Pengajaran: Kajian Terhadap Guru Tahfiz Swasta di Negeri Perak

Relationships of Faith Incentives and Teaching Practice: A Study on Private Tahfiz Teachers in the State of Perak

MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM
ABD HADI BORHAM
WAHYU HIDAYAT ABDULLAH
MUHAMMAD AKRAMIN KAMARUL ZAMAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyingkap insentif keimanan dan hubungannya dengan amalan pengajaran guru di maahad-maahad tahfiz al-Quran swasta Negeri Perak. Kajian telah melibatkan (33) orang guru sebagai sampel secara rawak mudah di Maahad-maahad Tahfiz terpilih. Bagi mencapai objektif kajian satu set soal selidik yang mengandungi (15) item bagi mengukur insentif keimanan yang telah diberikan kepada para guru dan (10) item digunakan sebagai instrumen untuk mengukur amalan pengajaran. Dapatan dari soal selidik dianalisis secara deskriptif menunjukkan secara keseluruhan tahap insentif keimanan yang telah diberikan oleh pengurus atau pentadbir maahad berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min (4.60) manakala tahap amalan pengajaran guru adalah sederhana dengan nilai min (3.44). Dapatan kajian turut menunjukkan hubungan yang signifikan antara insentif keimanan yang diberikan oleh pengurus maahad dan amalan pengajaran guru. Implikasi kajian merumuskan amalan pengajaran guru perlu dipertingkatkan terutama kepada aspek pemahaman ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz.

Kata Kunci: *Amalan Pengajaran, Guru Tahfiz Al-Quran, Insentif Keimanan*

PENGENALAN

Al-Quran adalah rujukan utama umat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi SAW sebagai petunjuk dan rahmat kepada sekalian alam. Pendidikan berteraskan al-Quran yang ditunjukkan oleh Nabi SAW telah

berjaya membina masyarakat Muslim yang berdaya maju (Shalaby, 1978). Pendidikan berasaskan al-Quran ini diteruskan oleh salafus soleh dengan menjadikan ia satu keutamaan kepada pendidikan awal anak-anak Muslim (Al-Nu'my, 1994). Ianya berterusan sehingga kini di mana umat Islam berusaha memelihara al-Quran secara hafazan di dada mahupun dalam bentuk tulisan di dalam mushaf sebagai langkah pertama memahami dan mengamalkan al-Quran sebagaimana yang dijanjikan Allah melalui firmanNya dalam surah al-Hijr, ayat 9 yang bermaksud:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Kerajaan Malaysia dengan peruntukan perlembagaan yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara telah mengorak langkah membina sebuah pusat pengajian berteraskan hafazan al-Quran pada tahun 1966 (Darul Quran, 2016). Keprihatinan pihak kerajaan kepada pendidikan tahfiz al-Quran ini telah menjadi inspirasi kepada pihak swasta menubuhkan maahad tahfiz. seiring dengan permintaan dan minat yang tinggi dari ibu bapa. Di Negeri Perak Yayasan Pendidikan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin Perak telah ditubuhkan bagi menggerakkan operasi sebuah Maahad Tahfiz Addin di Kg. Tualang Sekah, Malim Nawar pada tahun 1993. Yayasan ini dipengerusikan oleh Dato' Syeikh Muhammad Noor Mansur Al-Hafiz (Yayasan Addin Perak, 2016)

Sejak 24 Tahun ditubuhkan Maahad Tahfiz Addin ini telah membuka 16 cawangan di seluruh negeri Perak. Pengurusan operasi akademik yang besar ini melibatkan 113 orang guru akademik. Sebahagian besar daripadanya ialah guru tahfiz al-Quran yang berjumlah seramai 65 orang (Sabri, 2017). Bagi meneruskan kelangsungan sesebuah organisasi maka aspek insentif untuk mendorong individu meningkatkan prestasi mereka diketengahkan oleh kebanyakan pentadbir dan pengurus organisasi. Ini amat bertepatan dengan anjuran Islam yang amat mementingkan pemberian insentif atau galakan kepada pekerja sebagaimana firman Allah yang bermaksud:


Dan katakanlah (Wahai Muhammad), beramal lah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan". (Al-Taubah: 105)

Selain itu insentif turut berfungsi menggerakkan individu untuk lebih berusaha mencapai apa yang dihasratkan. Banyak daripada kejayaan dan kecemerlangan terhasil daripada insentif yang bertepatan dengan cita-cita manusia. Insentif boleh bersifat luaran dan dalaman. Antara insentif dalaman yang mampu membawa kebaikan kepada individu ialah keyakinan yang benar atau iman. Sejarah telah membuktikan insentif keimanan ini telah melahirkan generasi sahabat yang hebat dan utuh sama ada dalam aspek amalan duniawi mahupun ukhrawi. Para sahabat dan salaf al-soleh ini telah beramal untuk dunia mereka sehingga perniagaan yang dimonopoli oleh puak Yahudi berjaya diambil alih oleh Abdul Rahman bin Auf. Apabila diperintahkan untuk jihad mereka terus menyahut seruan tersebut tanpa sebarang alasan sehingga Allah memberikan kemenangan ataupun mereka syahid.

Menurut Al-Ibrahim (1988) model insentif kerja di dalam Islam terbahagi kepada tiga; insentif kerohanian keimanan, insentif maknawi (persekitaran kerja) dan insentif material (skim perkhidmatan). Insentif kerohanian keimanan merupakan teras kepada semua insentif. Insentif kerohanian keimanan juga adalah landasan atau prinsip untuk mencapai keredhaan Allah dalam beramal atau kerja (Badar, 1985; Fadhlullah, 1996) Antara insentif keimanan ialah keyakinan bahawa kerja adalah simbol kepatuhan dan ketaatan kepada ajaran Allah dan Rasul, keyakinan kerja sebagai ibadah, keyakinan bahawa kerja adalah apa yang dicontohkan oleh Rasul dan salaf soleh, Keyakinan kepada keikhlasan dan tekun dalam kerja dan keyakinan bahawa kerja adalah di bawah pemantauan Allah SWT yang Maha Melihat setiap sesuatu yang zahir mahupun tersembunyi.

Rajah 1 menerangkan model insentif keimanan yang dikemukakan oleh Al-Ibrahim (1998). Model yang berpaksikan kepada iman dan keyakinan yang benar ini disokong oleh enam elemen utama yang mendorong individu pekerja muslim melaksanakan tanggungjawab kerjanya untuk mencapai keredaan Allah SWT.

Rajah 1: Model Insentif Keimanan dari perspektif Insentif Kerja Islam



Sumber: Al-Ibrahim (1998)

Guru adalah tonggak utama dalam memastikan sesebuah institusi pengajian mencapai matlamatnya, mereka amat memerlukan kepada sokongan dan galakan dalam pelbagai bentuk insentif untuk mencapai keredhaan Allah, memenuhi tuntutan sendiri dan meningkatkan mutu kerja. Hal ini turut disokong oleh (Al-Khatieb, 2009) yang menegaskan bahawa perhatian terhadap pelbagai bentuk insentif akan menggalakkan pekerja meningkatkan mutu kerja dan mencapai kepuasan kerja kepada mereka. Namun kajian tinjauan oleh Marzuqi (2013) yang dijalankan terhadap 11 orang guru mendapati 72% dari mereka menyatakan kurang mendapat insentif untuk

meningkatkan prestasi kerja. Fenomena ini telah mendorong penulis untuk menjalankan kajian bagi menjawab soalan berikut:

“Apakah insentif keimanan mempunyai hubungan dengan amalan pengajaran guru di maahad tahfiz swasta di Negeri Perak?”

Sebagai sebuah pusat pengajian, maahad-maahad tahfiz beroperasi dengan berteraskan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan al-Quran. Pengajaran secara amnya adalah aktiviti dan proses mengajar, menyoal, menerangkan yang akan menggalakkan berlakunya proses pembelajaran dalam kalangan pelajar (Sharifah Alawiah, 1983). Menurut Ismail (1997) apa yang diamalkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan buku teks dan panduan-panduan am dari berbagai sumber adalah amalan pengajaran guru.

Menurut Al-Rabie (2008) pengajaran adalah satu perancangan menjayakan proses pembelajaran bagi satu tempoh yang ditetapkan. Al-Quran amat menitikberatkan perancangan sehingga umat Islam diseru untuk membuat persiapan fizikal dan mental untuk mencapai sesuatu matlamat sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Dan kalaulah mereka mahu keluar (untuk turut berperang), tentulah mereka menyediakan persiapan untuknya; tetapi Allah tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkannya semangat mereka, dan dikatakan (oleh Syaitan): "Tinggallah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal". (Al-Taubah: 46)

Perancangan terutamanya dari aspek penjanaan sumber tenaga pengajar mahupun pelajar telah ditegaskan di dalam al-Quran supaya keahlian dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dipupuk sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah). (Al-Taubah: 122)

Sementara itu pengajaran tidak boleh statik dan harus berkembang seiring dengan perkembangan zaman (Al-Tal, 1997; Al-Khatib A., 2009). Oleh kerana amalan pengajaran guru amat penting kepada proses pembelajaran pelajar, maka pengajaran yang berstruktur dan direka bentuk dalam satu set prosedur yang memberi keputusan di mana strategi pengajaran paling berkesan perlu difikirkan dan dibina untuk pelajar mencapai hasil pembelajaran (Railgeluth, 1983 ; Ismail Md Zain, 1997)

Amalan pengajaran tahfiz al-Quran adalah unik (Azmil, Ab. Halim, & Misnan, 2013). Ianya terbentuk daripada empat kaedah mengajar utama *talqin* iaitu guru menyebut ayat-ayat al-Quran, kemudian pelajar menyebut dan mengulang apa yang disebut oleh guru sehingga lancar menghafalnya, *at-Tikrar* iaitu latih tubi, *al-Mail* iaitu cintakan al-Quran dan *al-Fahm* iaitu kefahaman terhadap ayat al-Quran (Al-Qabisi, 1955). Menurut Salleh (1997) kaedah mengajar itu ialah satu aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam tiap-tiap langkah itu pula mempunyai kemahiran dan latihan yang terancang. Oleh yang demikian amalan pengajaran tahfiz perlu dilihat dari aspek kaedah mengajar yang digunakan bagi mencapai objektif pengajaran tahfiz al-Quran.

Al-Ahwani (1995) menyatakan objektif di dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran ialah *hifz* iaitu pelajar dapat mengingat al-Quran tanpa melihat mushaf. *Al-Wa'iy* (penghayatan) iaitu pelajar dapat menghayati dan memahami ayat yang dibaca serta bersemadi di dalam jiwa dan *istizhar* (*pengulangan*) iaitu pelajar dapat membaca semula ayat yang dihafaz dengan penuh kelancaran mengikut susunan, huruf, baris dan sebagainya. Bagi mencapai objektif pengajaran tahfiz adalah disarankan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran tidak terkeluar daripada kaedah yang boleh membawa kepada ingatan hafazan yang baik dan tidak mudah lupa kepada al-Quran. Al-Qabisi telah menyarankan bahawa pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran perlu berasaskan kepada teknik *talqin*, *at-Tikrar*, *al-Mail* *al-Fahm* yang membawa kepada kekuatan hafazan al-Quran itu sendiri (Al-Qabisi 1955; Al-Ahwani, 1995; An-Nu'my, 1995).

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian penulis menjalankan kajian deskriptif dan inferensi yang menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang telah diubah suai daripada kajian lepas bagi tujuan mengutip data dalam kalangan guru. Soal selidik dibina

mengandung dua konstruk utama iaitu konstruk insentif keimanan dan konstruk amalan pengajaran. Sebanyak 15 item dimasukkan ke dalam konstruk keimanan dan 10 item diletakkan di dalam konstruk amalan pengajaran.

Populasi kajian ialah semua guru tahfiz al-Quran di semua cawangan Maahad Thafiz Yayasan AddIn yang berjumlah (65) orang. Hanya (33) sampel dipilih secara rawak mudah bagi mendapatkan data berkaitan kajian yang dijalankan. Sebanyak 40 soal selidik telah diedarkan dan hanya 38 sahaja yang dikembalikan. manakala 5 soal selidik didapati tidak dilengkapkan oleh responden yang tidak memungkinkan ujian statistik dilakukan.

Bagi menentukan kesahan dalaman soal selidik set soalan telah dirujuk kepada empat orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing iaitu, pakar bidang pengurusan pendidikan, pakar pendidikan tahfiz, dan pakar penyelidikan. Manakala kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ditentukan melalui analisis konstruk dan item untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Analisis instrumen soal selidik menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai alpha Cronbach 0.95 seperti ditunjukkan dalam Jadual (1).

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.30

Sumber: Brymen & Cramer (1999)

Proses penganalisan data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences Version 2.0*. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawaian. Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan jadual interpretasi min yang telah dirumuskan oleh Al-Sarayrah (2009) seperti jadual (2). Interpretasi terhadap min disusun mengikut turutan menurun dari min yang paling tinggi hingga kepada min yang paling rendah.

Jadual 2: Interpretasi Nilai Min

Skor min	Interpretasi
3.70 – 5.00	Tinggi
2.35 – 3.69	Sederhana
1.00 – 2.34	Rendah

Sumber (Al-Sarayirah, 2009)

DAPATAN KAJIAN

Demografi Guru Tahfiz Al-Quran

Demografi guru tahfiz al-Quran dalam kajian ini merangkumi pemboleh ubah jantina, kelayakan akademik dan taraf perjawatan guru di cawangan maahad-Maahad Tahfiz Addin Negeri Perak. Dapatan kajian adalah seperti jadual (3).

Daripada 33 orang guru yang mengajar di beberapa cawangan Maahad Tahfiz Addin, majoriti guru tahfiz adalah lelaki iaitu seramai 23 orang (66.7%) manakala guru perempuan pula hanya 10 orang (24.3%). Sementara itu dari aspek taraf perjawatan majoriti guru iaitu seramai 26 orang (78.8%) bertaraf sementara atau kontrak dan hanya 7 orang (21.2%) adalah guru tahfiz bertaraf tetap. Dari segi kelayakan akademik pula, guru tahfiz berkelulusan diploma seramai 17 orang (51.5%) iaitu hampir sama banyak dengan guru tahfiz yang berkelulusan sarjana muda ke atas iaitu seramai 16 orang (48.5%).

Jadual 3: Taburan Responden Guru Tahfiz Mengikut Kategori

Pemboleh ubah	Kategori	Kekerapan	%
Jantina	Lelaki	23	69.7
	Perempuan	10	30.3
Taraf Jawatan	Guru Tetap	7	21.2
	Guru Kontrak/ Sambilan/ Jemputan	26	78.8
Kelayakan Akademik	Diploma	17	51.5
	Sarjana Muda dan ke atas	16	48.5

Insentif Keimanan

Dapatan kajian dari aspek insentif keimanan yang dipraktikkan oleh pentadbir di maahad-Maahad Tahfiz Addin adalah berdasarkan maklum balas guru terhadap soal selidik yang diedarkan. Data dianalisis mengikut

nilai min dan sisihan piawai serta interpretasi mereka terhadap bentuk-bentuk insentif keimanan yang diberikan.

Jadual 4: Interpretasi Insentif Keimanan di Maahad Tahfiz

Bil	Item Pengajaran	Min	S.P	Interpretasi
1	Kerja adalah satu cara mentaati perintah Allah	4.76	.43	Tinggi
2	Allah melarang sikap malas	4.76	.50	Tinggi
3	Kefahaman tanggungjawab manusia memakmurkan bumi dengan kerja kebaikan	4.70	.58	Tinggi
4	Galakan menghayati nas al-Quran dan Hadith	4.58	.56	Tinggi
5	Kerja adalah ibadah	4.76	.50	Tinggi
6	Menanamkan kesedaran bahawa ketekunan dalam kerja membawa kepada keredhaan Allah dan ganjaran pahala dari Nya	4.73	.45	Tinggi
7	Menanam kesedaran bahawa mengajar al-Quran dapat mendekatkan diri kepada Allah	4.82	.39	Tinggi
8	Mengingatkan guru bahawa ilmu dan amal adalah punca ketinggian martabat di sisi Allah	4.64	.54	Tinggi
9	Menanam prinsip tawakkal kepada Allah setelah berusaha untuk kecemerlangan kerja	4.48	.75	Tinggi
10	Memberi kesedaran bahawa bekerja adalah jalan para nabi dan rasul	4.58	.56	Tinggi
11	Menanamkan kesedaran bahawa para sahabat bekerja dan berusaha untuk menyara hidup mereka	4.06	.96	Tinggi
12	Menanam kesedaran bahawa para ulamak mempunyai kepakaran kerja tertentu seperti Imam al-Kisaie sebagai peniaga kain yang berjaya dalam profesionnya	4.12	.82	Tinggi

Bil	Item Pengajaran	Min	S.P	Interpretasi
13	Menanam prinsip pemantauan Allah (Allah Maha Melihat) kepada setiap perbuatan dan perkataan	4.64	.48	Tinggi
14	Menyuburkan prinsip bahawa setiap pekerjaan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah kelak	4.73	.45	Tinggi
15	Menanam prinsip ikhlas dalam pekerjaan	4.76	.43	Tinggi
Keseluruhan		4.60	.37	Tinggi

Jadual (4) menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi tahap amalan pengajaran guru di Maahad-Maahad Tahfiz Addin dari persepsi guru. Dapatan menunjukkan secara keseluruhan amalan pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi (min=4.60, sp=0.37), Dapatan juga menunjukkan bahawa semua item insentif keimanan mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi. Item “Menanam kesedaran bahawa mengajar al-Quran dapat mendekatkan diri kepada Allah” menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.82.

Amalan Pengajaran Guru Tahfiz

Dapatan amalan pengajaran guru di maahad-Maahad Tahfiz Addin diperoleh melalui maklum balas guru terhadap soal selidik yang diedarkan. Data dianalisis mengikut nilai min dan sisihan piawai serta interpretasi guru terhadap tahap amalan pengajaran guru.

Jadual 5: Interpretasi Amalan Pengajaran Guru Tahfiz

Bil	Item Pengajaran	Min	S.P	Interpretasi
1	Menepati waktu kuliah sepertimana yang dijadualkan	4.24	.61	Tinggi
2	Mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang saya	3.45	.97	Sederhana
3	Membuat rancangan pengajaran saya setiap hari dan semester	4.24	.43	Tinggi
4	Menggunakan teknologi baru dalam pengajaran	2.79	.99	Sederhana
5	Menyampaikan ilmu dan pengalaman kepada pelajar	4.15	.56	Tinggi
6	Melatih pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif dan kritis melalui pemahaman ayat-ayat Quran	2.36	.69	Rendah
7	Menggunakan pelbagai teknik dan kaedah dalam pengajaran	3.64	.74	Sederhana
8	Menilai pelajar dengan kaedah yang pelbagai	3.85	.83	Tinggi
9	Menghususkan waktu pertemuan dengan pelajar selain waktu pengajaran	2.42	.61	Rendah
10	Membimbing pelajar mencari dan memilih sumber rujukan	3.36	.99	Sederhana
	Keseluruhan	3.44	.45	Sederhana

Jadual (4) menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi tahap amalan pengajaran guru di Maahad-Maahad Tahfiz Addin. Dapatan menunjukkan secara keseluruhan amalan pengajaran guru berada pada tahap yang sederhana (min=3.44, sp=0.45). Dapatan juga menunjukkan bahawa empat item amalan pengajaran guru mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan empat item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana dan dua item mencatatkan interpretasi min pada tahap yang rendah.

Dua item yang mendapat interpretasi min tertinggi iaitu item “menepati waktu kuliah sepertimana yang dijadualkan” (min=4.24, sp=0.61) dan item “membuat rancangan pengajaran saya setiap hari dan semester” (min=4.24, sp=0.23). Manakala item yang mendapat interpretasi terendah ialah “melatih pelajar dengan kemahiran berfikir kreatif dan kritis melalui pemahaman ayat-ayat Quran” (min=2.36, sp=0.69).

Hubungan Insentif Keimanan dengan Amalan Pengajaran Guru Tahfiz

Hasil analisis korelasi pearson secara keseluruhannya telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara insentif keimanan dengan amalan pengajaran guru tahfiz ($r = 0.362$, $p < 0.05$).

Berdasarkan data yang diperoleh seperti yang ditunjukkan pada Jadual 6, kajian menunjukkan bahawa semakin banyak insentif keimanan diterapkan oleh pentadbir kepada guru-guru tahfiz, semakin kuat hubungannya dengan amalan pengajaran guru. Penekanan kepada insentif keimanan secara berkesan merupakan faktor yang signifikan untuk guru tahfiz meningkatkan amalan pengajaran mereka.

Jadual 6: Korelasi Antara Insentif Keimanan dengan Amalan Pengajaran Guru Tahfiz

	Amalan Pengajaran Guru Tahfiz		
	n	r	P
Insentif Keimanan	(33)	0.362**,	0.039

Nota: * *bererti pada paras $p < 0.05$

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap insentif keimanan yang diterapkan oleh pentadbir Maahad Tahfiz Addin adalah tinggi. Tumpuan diberikan lebih kepada menanam kesedaran kepada guru bahawa tugas mengajar adalah salah satu cara mendekati diri kepada Allah SWT. Elemen keimanan seperti ini mungkin menjadi faktor pendorong kepada para guru tahfiz untuk terus kekal menyumbang bakti kepada maahad tahfiz walaupun mereka tidak dijanjikan dengan jawatan tetap. Ini bertepatan dengan pandangan al-Ibrahim (1998) dan Fadhlullah (1996).

Sementara itu dapatan kajian menunjukkan amalan pengajaran guru di maahad-Maahad Tahfiz Addin adalah pada tahap sederhana. Tumpuan banyak diberikan oleh guru dalam menjaga ketepatan waktu kelas dan membuat perancangan pengajaran harian dan tahunan. Ini menunjukkan para guru tahfiz telah berjaya menunjukkan disiplin dan komitmen kerja yang tinggi walaupun majoriti guru tidak mempunyai ikhtisas pendidikan secara formal. Hal ini merupakan tanda-tanda seorang guru yang cemerlang sebagaimana yang dinyatakan oleh (Jasmi, 2009) Namun terdapat beberapa kelemahan dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang guru tahfiz iaitu mereka kurang memberikan tumpuan kepada pemahaman ayat-ayat al-Quran dalam mengembangkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis

pelajar. Guru juga tidak banyak memperuntukkan waktu pertemuan di luar waktu kelas bagi mendengar masalah pembelajaran pelajar. Ini mungkin disebabkan kurangnya kemahiran dalam aspek pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan kekangan tugas serta tanggungjawab lain yang perlu diselesaikan selepas waktu mengajar. Hal ini bukan sahaja berlaku kepada guru tahfiz malah juga guru pendidikan Islam.

Dalip & T. Subahan (1991) dan Sahril (1993) menegaskan keberkesanan pengajaran guru bukan sahaja di dalam kelas malah menjangkau konsep guru sebagai agen pemangkin dalam perkembangan dan pertumbuhan pelajar serta penggerak dan pembimbing berterusan kepada usaha pembelajaran pelajar. Interaksi guru dan pelajar samada di dalam atau di luar bilik darjah perlu dihubungkan dengan aspek bimbingan dan kaunseling (Ab. Halim, 2005). Ia turut ditegaskan oleh Al-Ahwani (1995) yang menyatakan guru al-Quran perlu menjadi model yang baik kepada pelajar bagi mencapai objektif pendidikan tahfiz.

Selain itu pengajaran pemahaman ayat al-Quran dengan menerapkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis adalah sangat penting. Malah kemahiran ini perlu dimasukkan dalam apa jua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (A. Rahman et.al, 2015). Oleh itu guru perlu mempelbagaikan teknik dan kaedah dalam pengajaran serta sering mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang pengajaran al-Quran dan seterusnya melatih kemahiran kreatif dan kritis melalui PdP dalam kalangan pelajarannya. (Al-Tal, 1997; Al-Khatib, 2009)

Daripada analisis korelasi yang dijalankan, kajian telah membuktikan bahawa insentif keimanan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap amalan pengajaran guru. Ini bermaksud sekiranya insentif keimanan ini diterapkan dengan lebih berkesan, maka tidak mustahil prestasi pengajaran guru akan dapat ditingkatkan walaupun insentif material tidak dapat disediakan dengan sempurna. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT orang-orang mukmin yang melakukan kerja kebaikan dan kebajikan dijanjikan dengan kehidupan yang baik di dunia dan ganjaran pahala di akhirat. Firman Allah yang bermaksud:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan Dia Dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (al-Nahl: 97)

Kekuatan insentif keimanan ini dalam menentukan kejayaan individu dan organisasi dalam kerjaya dinyatakan dengan jelas oleh Al-Ibrahim (1988) sebagai insentif teras kepada insentif kerja yang lain di dalam Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi gambaran terhadap insentif keimanan yang telah diterapkan dalam diri guru oleh pentadbir Maahad-Maahad Tahfiz Addin serta tahap amalan pengajaran guru. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan insentif keimanan mendapat skor min yang tinggi sebagai bukti insentif keimanan terlaksana dengan baik di maahad-Maahad Tahfiz Addin (Swasta) di Negeri Perak. Manakala amalan pengajaran guru tahfiz berada pada tahap yang sederhana dan harus dipertingkatkan dengan beberapa kelemahan seperti kurangnya penekanan kepada pemahaman ayat-ayat al-Quran yang memerlukan kepada kemahiran kreatif dan kritis. Abad ke 21 sangat menuntut supaya elemen kemahiran berfikir aras tinggi diajar kepada pelajar selain dari kebergantungan kepada kemahiran hafazan semata-mata. Guru yang cemerlang perlu sentiasa bersedia untuk membimbing pelajar mereka di luar kelas dengan menjadualkan waktu pertemuan dengan pelajar di luar bilik darjah.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ab. Halim Tamuri. (2005). Hala tuju dan cabaran pendidikan Islam dalam era globalisasi. Kertas kerja seminar pendidikan dan penghayatan Islam. Tanjung Malim: Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Rahman et.al (2015) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Salak Didik Dengan elemen Nyanyian Dan Elemen Pantun Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – J ISSN: 2180-4842. Vol. 5, Bil. 1 (Mei 2015): 53-60
- Al-Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). At tarbiyyah fil islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi. Kaherah: Darul Fikr al-Araby.
- Al-Ibrahim, Muhammad Uqlah (1988). Hawafizul amal baina Islam wa al-nazariyyat al-wadiyyah. Amman. Maktabah Risalah Al-Hadisah
- Al-Khatib, Ahmed. (2009). Al-Taalim al-Aliy: al-isykaliyyat wa tahdiyyat. Irbid: Alamul kutub al-hadith.

- Al-Nu'my, Abdullah Amin. (1994). Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad bin Khalaf. (1955). Ar risalah al mufassolah li ahwal al mua'llimin wa ahkam al- mua'llimin wa mutallimin. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Al-Rabie, Saied bin Hamad. (2008). Taa'lim al-Aliy fi asri al-ma'rifah. Amman: Dar el-Syuruq.
- Alsagof, Sharifah Alawiyah. (1983). Ilmu penddikan pedagogi. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Al-Sarayirah, Khalid Ahmad. (2009). Al-tamasul al-tanzimi wal ada' al-wazifi fil idarat al-jamiat. Amman: Dar Kunuz Al-makrifah.
- Al-Tal, Said Musyrif. (1997). Qawaid al-tadris fi al-jamiah. Amman: Dar al-Fikir li al-tibaah wa al-nasyr.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, & Misnan Jemali. (2013). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1 (1), 28-39.
- Badar, H. A. (1985). Daur Al-Deen Al-Islami Fi Nizom Dawafi` Wa Hawafizul Amal Lada A'dha` Haiati Tadris Bijamiatai Daulatai Al-Kuwait Wal Urdun. *Majallat Al-Ulum Al-Ijtima'iyyah*, 13(4), 291-328.
- Brymen, A. & Cramer, D. (1999). *Quantitative data analysis with SPSS Release 8 for Windows: A guide for social scientists*. London: Routledge.
- Dalip, A.R, T. Subahan Mohd Meerah. (1991). *Isu-isu latihan mengajar*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dalip, A.R. (1993). *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di Sekolah Menengah*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Darul Quran. (2017). *Maklumat korporat: sejarah Darul Quran*. Retrieved Feb 12, 2017 from <http://www.darulquran.gov.my/>.
- Fadhlullah, A. F. (1996). Al-Ujur wal Hawafiz fil Islam: Qadaya Manhajiyyah. *Al-Majallat Al-Arabiyyah Liddirasat Al-Amniyyah wa Al-Tadrib* (22), 45-71.
- Ismail Md Zain. (1997). *Keberkesanan reka bentuk pengajaran bersistem di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah*. Tesis PHD yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Jasmi K.A 2009. *Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

- Yayasan Addin Perak. (2017). Latar belakang Maahad Tahfiz Addin. Retrieved Mei 12, 2016 from <https://maahadtahfizaddin.edu.my/>
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). Pengajaran mata pelajaran hafazan al-quran: suatu kajian maahad tahfiz al-quran zon tengah. Laporan Projek Sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Reigeluth, C. M. and Stein, F. S. (1983). Instructional design theories and models: an overview of their current states. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum
- Sabri Nordin (2017). Senarai Guru Maahad Tahfiz Al-Quran wa al-Qiraat Addin Perak.
- Sahril Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. (1993). Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh Mohd. (1997). Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi dan metodologi. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shalaby, Ahmad. (1978). At-Tarbiyah al-islamiyyah nuzumuha wafalasifatuha. Mesir: Maktabah an-Nahdah al-Misriyyah.

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim
E-mail: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Abd Hadi Borham
E-mail: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

Wahyu Hidayat Abdullah
E-mail: wahyu@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Akramin Kamarul zaman
E-mail: akramin@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris